

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, July 9, 2019 4:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Prihatin Tahap Kesihatan Staf Elak Kejadian Tidak Diingini Berlaku



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 JULAI 2019 / 6 ZULKAEDAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM PRIHATIN TAHAP KESIHATAN STAF ELAK KEJADIAN TIDAK DIINGINI BERLAKU



UUM ONLINE: Bagi memastikan kesihatan staf berada di tahap baik, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mewajibkan staf berusia 40 tahun ke atas untuk menjalani pemeriksaan profil kesihatan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku antaranya kematian mengejut.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, pemeriksaan percuma itu diadakan sejak 26 Jun lalu hingga 25 Ogos depan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU).

Menurutnya, UUM sentiasa komited memastikan staf peka akan kesihatan diri, selain berusaha mengelakkan berlaku kematian mengejut akibat serangan jantung, angin ahmar dan sebagainya.

"Kebelakangan ini, kita dengar ramai mati mengejut dan ada yang mengetahui mereka menghidap penyakit kronik seperti kanser pada tahap akhir, sedangkan jika dikesan lebih awal, ia boleh menyelamatkan nyawa.

"Pemeriksaan ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti kerja dan kakitangan bersedia mengamalkan gaya hidup sihat," katanya.

Sementara itu, Penolong Jurutera, Romi Md. Nor berkata, dia mula menjalani profil kesihatan secara persendirian sejak empat tahun lalu di PKU.

Menurutnya, mewajibkan pelaksanaan profil kesihatan kakitangan UUM adalah satu langkah yang harus dipuji kerana ia membuktikan pengurusan universiti amat menitikberatkan tentang kesihatan kakitangan yang bekerja di sini.

"Selain dapat mengetahui tahap kesihatan diri masing-masing, saya juga dapat mengambil langkah berjaga-jaga awal apabila melakukan sebarang aktiviti bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

"Alhamdulillah, sejak saya mula menjalani pemeriksaan kesihatan di PKU, tahap kesihatan saya berada di tahap baik dan tidak menghidap sebarang penyakit, bagaimanapun langkah penjagaan tetap diambil kira," katanya dari Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP).

Pengawal Keselamatan, Aznan Mohamad berkata, profil kesihatan seperti itu wajar diperluaskan ke semua peringkat usia sebagai langkah penjagaan awal kesihatan masing-masing.

Bagaimanapun katanya, mewajibkan semua staf berusia 40 tahun ke atas untuk menjalani pemeriksaan tersebut adalah satu tindakan yang wajar dan harus disambut baik seluruh kakitangan UUM.

Menurutnya, sekarang terdapat banyak kes kematian mengejut berlaku tanpa mengira usia kerana sebahagian kes mangsa mati mengejut adalah masih muda dan berusia lingkungan bawah 50 tahun.

"Sehubungan itu, pemeriksaan kesihatan yang teliti mampu mencegah sebarang insiden tidak diingini berlaku dan saya sarankan staf terlibat tidak mengambil ringan pemeriksaan kesihatan ini," katanya yang mula menjalani pemeriksaan kesihatan seawal usia 30-an lagi.

Bagi Setiausaha Pejabat, Hartini Hanapi, dia bersyukur dan berterima kasih kepada pengurusan universiti kerana diberi peluang untuk membuat profil kesihatan kakitangan pada tahun ini secara percuma.

Katanya, mencecah usia 40 tahun pada bulan lalu digunakan sebaiknya untuk menjaga kesihatan diri dan kesempatan diberikan UUM membolehkannya mengetahui lebih lanjut tahap kesihatan masing-masing.

"Profil kesihatan ini menjantik kesedaran dalam kalangan staf khususnya yang berusia 40 tahun ke atas untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat, tambahan pula kita baru sahaja menyambut Syawal dan sudah pasti banyak juadah yang diambil sehingga merisikokan diri.

"Saya gembira apabila disenaraikan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan ini dan berharap ia membantu saya untuk menjaga kesihatan diri dengan lebih baik pada hari mendatang," katanya.

Profil kesihatan kakitangan UUM itu meliputi pemeriksaan kesihatan seperti Body Mass Index (BMI), pemeriksaan mata, tekanan darah, ECG, ujian darah, kolestrol, hati, buah pinggang, pemeriksaan gigi dan saringan kesihatan mental.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.